

**P.U. (A) 281/1995**

**AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993**

**PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI  
(LEVI KE ATAS TRANSAKSI SEKURITI) 1995**

**Akta 498**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 24(1) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan mula berkuatkuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Transaksi Sekuriti) 1995** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1995.

**Kadar levi**

2. Kadar levi yang hendak dibayar oleh pembeli atau penjual berkenaan dengan penjualan atau pembelian sekuriti yang direkodkan di bursa saham atau sekuriti yang diberitahukan kepada bursa saham mengikut kaedah-kaedahnya hendaklah 0.02 peratus daripada harga belian pembelian atau penjualan itu.

**Pemansuhan P.U.(A)430/1993**

3. P.U.(A) 430/1993 adalah dimansuhkan.

Dibuat pada 29 Julai 1995.

[S (8.02) 248/23-49;PN.(PU<sup>2</sup>) 523.]

ANWAR IBRAHIM,  
*Menteri Kewangan*